

TTFS dijangka ditawarkan pada siswa program baru di SIT, UniSIM

Oleh **SHAMSUL JANGARODIN**

shamj@sph.com.sg

SKIM Subsidi Yuran Pengajian Tinggi (TTFS) dijangka dilanjutkan kepada pelajar Melayu yang mengambil program sepenuh masa baru yang bakal diperkenalkan di Institut Teknologi Singapura (SIT) dan Universiti SIM (UniSIM).

Dengan langkah itu, mahasiswa Melayu di kededua universiti tersebut – yang diumumkan Perdana Menteri sebagai universiti kelima dan keenam Singapura – bakal menikmati geran pendidikan khusus bagi pelajar Melayu itu, sama seperti mahasiswa Melayu di empat universiti setempat lain, iaitu Universiti Nasional Singapura (NUS), Universiti Teknologi Nanyang (NTU), Universiti Pengurusan Singapura (SMU) dan Universiti Teknologi dan Reka Bentuk Singapura (SUTD).

Mendedahkannya kepada *Berita Harian* di satu acara pemberian biasiswa di ibu pejabat Yayasan Mendaki, semalam, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) badan bantu diri itu, Cik Moliah Hashim, berkata langkah itu selaras dengan rancangan pemerintah meluaskan geran nasional kepada semua universiti tempatan Singapura.

“TTFS akan diselaraskan bagi merangkumi mahasiswa yang mengambil sarjana muda pertama mereka dalam program sepenuh masa yang bakal diperkenalkan di SIT dan UniSIM.

“Namun butiran tentang bila ia akan dilaksanakan masih belum ada,” kata Cik Moliah.

Beliau juga memberi jaminan bahawa Yayasan Mendaki, sebagai pentadbir TTFS, akan diberikan dana yang mencukupi daripada pemerintah bagi menampung kesemua mahasiswa Melayu yang layak menerimanya.

Tambah Cik Moliah, apabila TTFS mula dilaksanakan bagi program baru di SIT dan UniSIM itu kelak, semua pelajar tertakluk kepada kriteria baru – berdasarkan tiga peringkat iaitu 100 peratus, 75 peratus dan 50 peratus, dengan kriteria baru berdasarkan tahap pendapatan per kapita (PCI) keluarga sebanyak \$1,500 dan ke bawah.

Buat masa ini, pelajar Melayu di SIT layak bagi TTFS, namun ijazah ditawarkan universiti luar Singapura.

Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong, di Rapat Hari Kebangsaan, Ahad lalu, berkata SIT akan menambah tempat dan menawarkan ijazahnya sendiri.

UniSIM pula akan memperkenalkan program sepenuh masa – ia kini hanya menawarkan program sambilan.

Pemerintah juga akan melanjutkan dermasiswa dan pinjaman kepada pelajar sambilan UniSIM bagi membolehkan mereka menerima sokongan yang sama seperti pelajar sambilan di NUS dan NTU.

Ditanya sekiranya TTFS akan turut dilanjutkan kepada mahasiswa sambilan itu, Cik Moliah berkata “pihaknya belum pasti kerana belum ada butiran.”